

Kecerdasan Buatan dalam Sejarah Gunaan: Peluang dan Cabaran Melalui Analisis Media Sosial

Nor Azlah Sham Rambely, Sharifah Ismail, dan Mohamed Ali Haniffa

Universiti Utara Malaysia
azlah@uum.edu.my, sharifah@uum.edu.my, m.ali@uum.edu.my

ABSTRAK

Sejarah gunaan merujuk kepada penggunaan ilmu, kaedah, dan teori sejarah dalam menangani isu-isu praktikal dalam masyarakat. Dalam era digital, kecerdasan buatan (AI) telah membuka dimensi baharu kepada pengkajian dan aplikasi sejarah gunaan. Kajian ini bertujuan meneroka bagaimana AI dimanfaatkan dalam sejarah gunaan serta mengenal pasti cabaran yang timbul daripada penggunaannya. Kaedah analisis kandungan digunakan dengan meninjau platform media sosial seperti Google, Facebook, TikTok dan YouTube. Hasil kajian mendapati AI digunakan dalam pelbagai aspek sejarah gunaan termasuk automasi pengekodan data, analisis dokumen bersejarah, serta pembinaan semula maya menggunakan teknologi AR dan VR. Walau bagaimanapun, cabaran berkaitan keaslian sumber, etika data dan keperluan terhadap tafsiran manusia masih perlu ditangani. Kajian ini menyimpulkan bahawa AI berpotensi memperluas capaian dan impak sejarah gunaan, tetapi mesti disertai dengan kefahaman kritikal terhadap batasannya.

Kata kunci: Sejarah gunaan, kecerdasan buatan, media sosial, teknologi digital, cabaran etika

ABSTRACT

Applied history refers to the use of historical knowledge, methods, and theories to address practical societal issues. In the digital era, artificial intelligence (AI) has introduced new dimensions to the study and practice of applied history. This study aims to explore the application of AI in applied history and identify the challenges involved. Using content analysis, data were examined from social media platforms such as Google, Facebook, Tik Tok, and YouTube. The findings reveal that AI is employed in various aspects of applied history, including data coding automation, historical document analysis, and virtual reconstruction through AR and VR technologies. However, issues related to source authenticity, data ethics, and the need for critical human interpretation remain pressing. This study concludes that while AI can enhance the reach and impact of applied history, its integration must be accompanied by a critical understanding of its limitations.

Keywords: *Applied history, artificial intelligence, social media, digital technology, ethical challenges*

PENGENALAN

Sejarah gunaan merupakan bidang baru dalam disiplin sejarah yang telah berkembang pesat di Eropah dan Australia sejak tahun 1980-an lagi. Secara umumnya, sejarah tulen berubah menjadi sejarah gunaan apabila “*when the historians across the traditional wall*.” Menurut pelopor sejarah gunaan, Benjamin F. Shambaugh, sejarah gunaan ialah penggunaan pengetahuan saintifik sejarah dan pengalaman dalam usaha untuk menyelesaikan masalah semasa kebaikan manusia. Idea menggabungkan disiplin sejarah dengan bidang-bidang ilmu yang lain bagi mewujudkan elemen aplikasi dalam ilmu sejarah ini telah turut dipelopori oleh Stephen M. Millett iaitu presiden dan

pengasas Associated Futuring LLC, Columbus. Pertubuhan ini merupakan sebuah pertubuhan yang menawarkan perkhidmatan perancangan strategik dan inovasi. Millett yang juga merupakan sarjana sejarah di Franklin University menyatakan bahawa; “*applied history*,” or *the use of historical knowledge and methods to solve problems in the present*. Dua takrifan ini sebenarnya merupakan sebahagian daripada legasi yang telah dibawakan oleh sarjana sejarah R.G Collingwood di abad ke 20 bahawa kepentingan sejarah adalah “apabila peristiwa masa lalu digunakan untuk masa hadapan manusia”. (https://www.researchgate.net/publication/361741710_Sejarah_Gunaan_Pendekatan_Baru_Disiplin_Sejarah_di_Malaysia).

Ringkasnya sejarah gunaan merupakan cabang ilmu sejarah yang menekankan aplikasi pengetahuan sejarah dalam menyelesaikan isu-isu praktikal dalam masyarakat kontemporari. Peranan sejarawan tidak lagi terbatas kepada penyelidikan akademik semata-mata, tetapi turut melibatkan interaksi aktif dalam pelbagai sektor termasuk pemeliharaan warisan, pendidikan awam, penulisan sejarah organisasi dan konsultasi dasar awam.

Kemajuan teknologi, terutama dalam bidang kecerdasan buatan (AI), telah membawa perubahan besar dalam dunia pendidikan (Azwani 2023). Subjek berkaitan sejarah sering kali dianggap membosankan kerana disampaikan secara konvensional melalui teks dan pengajaran secara langsung. Ini adalah salah satu cabaran utama dalam pembelajaran sejarah bagaimana untuk menarik minat pelajar (Adawiyah, Muhammad Farhan dan Hamdi, 2023). Namun, dengan kewujudan AI, pembelajaran sejarah berpotensi menjadi lebih interaktif, menggembirakan, dan relevan kepada pelajar (Academic Senate, 2024).

Kecerdasan Buatan (AI) telah menjadi elemen penting dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan dan pengkajian sejarah. Dalam konteks sejarah gunaan, AI membawa dimensi baharu yang mengubah cara maklumat sejarah dikumpul, dianalisis, dan disampaikan kepada pelajar serta penyelidik (Bravo Press, 2025). Melalui algoritma pintar, AI dapat menapis, menyusun, dan menghasilkan kandungan sejarah yang lebih interaktif dan relevan mengikut keperluan pengguna, terutamanya di platform media sosial seperti Facebook, TikTok, dan YouTube (<https://resellermym.com/panduan-ai-aplikasi-sejarah/>)

AI memiliki kemampuan untuk menciptakan simulasi dan pengalaman belajar yang mendekati realiti (Madam Ain Qis, 2024). Dalam pembelajaran sejarah, teknologi ini dapat dimanfaatkan untuk mewujudkan simulasi interaktif seperti perjalanan virtual ke masa lalu. Misalnya, pelajar dapat “mengunjungi” peristiwa bersejarah melalui virtual reality (VR) yang didukung oleh AI (Moirra Donovan, 2023). Dengan mengenakan headset VR, mereka boleh merasakan suasana perjuangan, bertemu tokoh-tokoh sejarah, dan menyaksikan peristiwa penting seolah-olah mereka berada di sana.

Tidak hanya itu, AI juga memungkinkan pengembangan aplikasi pendidikan berdasarkan augmented reality (AR) yang menghidupkan gambar atau nota di dalam buku teks. Sebagai contoh, AI berupaya menampilkan zaman Kerajaan Melayu Melaka dalam bentuk 3D lengkap dengan penjelasan animasi. Pendekatan ini tidak hanya berpotensi membuat pembelajaran lebih menarik, tetapi juga memudahkan pelajar untuk memahami konteks sejarah.

AI juga berperanan dalam menciptakan pembelajaran yang personal dan adaptif. Melalui algoritma pembelajaran, AI dapat menganalisis kemajuan pelajar dalam memahami subjek sejarah dan memberikan cadangan aktiviti atau bahan tambahan sesuai. Misalnya, jika seorang pelajar sukar memahami kronologi peristiwa sejarah, AI dapat menyediakan latihan khusus yang membantu mereka menyusun peristiwa secara berurutan. Sementara itu, pelajar yang lebih mahir dapat diberikan cabaran seperti membuat analisis kritis terhadap suatu peristiwa sejarah. Dengan cara ini, pembelajaran menjadi lebih inklusif dan efisien kerana disesuaikan dengan kemampuan individu.

Pemanfaatan AI dalam pembelajaran sejarah tidak hanya mengubah cara pelajar belajar, tetapi juga bagaimana guru mengajar. Guru dapat menggunakan chatbot berbasis AI sebagai pembantu yang menjawab pertanyaan pelajar secara terus. Chatbot ini dapat diprogram untuk menjelaskan subjek sejarah dengan bahasa yang sederhana sehingga pelajar lebih mudah memahaminya. Selain itu, AI juga dapat membantu guru dalam menyiapkan bahan pengajaran yang menarik. Contohnya, AI dapat digunakan untuk membuat kuiz interaktif berasaskan permainan yang menguji pengetahuan pelajar tentang sejarah. Dengan adanya elemen gamifikasi ini, pelajar akan lebih termotivasi untuk belajar kerana merasa seperti sedang bermain, bukan belajar secara formal.

Dalam konteks revolusi digital masa kini, teknologi kecerdasan buatan (AI) telah memberikan impak besar dalam pelbagai bidang termasuk sejarah. Perkembangan ini menimbulkan persoalan sejauh mana AI dapat dimanfaatkan dalam sejarah guna serta apakah cabaran etika dan epistemologi yang wujud. Justeru, kajian ini bertujuan untuk:

1. Meneroka bagaimana AI membawa dimensi baharu dalam pengkajian dan amalan sejarah guna.
2. Meneliti cabaran penggunaan AI dalam bidang sejarah guna.

PERSOALAN KAJIAN

- a) Bagaimana AI digunakan dalam bidang sejarah guna?
- b) Sejauhmanakah cabaran utama dalam penggunaan AI dalam sejarah guna?

Perkembangan teknologi kecerdasan buatan (AI) telah membawa transformasi signifikan dalam bidang pendidikan, khususnya dalam pembelajaran sejarah. Penerapan teknologi digital dalam pendidikan sejarah dilihat memberi impak positif dari segi pengajaran guru dan minat pelajar. AI tidak hanya memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran, tetapi juga menjadikannya lebih interaktif, menarik, dan efektif.

Kajian oleh Hashim dan Anuar (2023) menekankan keberkesanan aplikasi seperti Google Classroom dan Kahoot semasa pandemik COVID-19. Penggunaan platform ini bukan sahaja memudahkan guru menyampaikan kandungan Sejarah, tetapi turut meningkatkan keterlibatan pelajar secara interaktif serta meningkatkan tahap kefahaman mereka terhadap topik yang diajar.

Artikel oleh Nor Azilah Ahmad (2018) pula menyorot kepentingan inovasi dalam teknik pengajaran subjek Sejarah dan Tamadun, khususnya dalam konteks institusi pengajian tinggi. Kajian tersebut mencadangkan keperluan menggunakan teknologi pengajaran yang sesuai untuk menarik minat generasi Y dan Z terhadap subjek yang sering dianggap kaku. Pelajar menunjukkan penerimaan yang positif terhadap penggunaan teknologi dalam proses pembelajaran Sejarah, terutamanya apabila ia membantu mereka memahami isu semasa dan menyelesaikan masalah secara berkesan.

Sementara itu, Nur Hafizah Alimunir (2023) dalam kajiannya menjelaskan peranan AI – khususnya ChatGPT – dalam proses perancangan dan pengajaran guru sejarah. AI digunakan untuk menjana idea pengajaran, membina soalan kuiz, menterjemah teks sejarah, dan menghasilkan bahan bantu mengajar yang menarik dan interaktif. Integrasi ini bukan sahaja menjimatkan masa, tetapi juga memperkayakan pedagogi sejarah dengan pendekatan kreatif dan diperibadikan.

Artikel Khaerudin (2024) membincangkan penggunaan aplikasi Gamma AI dalam pembelajaran sejarah era Kurikulum Merdeka. Gamma AI membantu guru dalam menyediakan bahan pembelajaran seperti PowerPoint secara automatik, menjimatkan masa dan meningkatkan

keaktiviti. Selain itu, teknologi seperti Virtual Reality (VR) dan Augmented Reality (AR) membolehkan pelajar mengalami peristiwa sejarah secara langsung, seperti mengunjungi medan perang atau situs bersejarah secara maya. Ini meningkatkan minat dan pemahaman pelajar terhadap sejarah.

Penggunaan ChatGPT yang diketengahkan oleh Nur Hafizah (2023) dalam perancangan dan pengajaran sejarah menunjukkan ChatGPT berfungsi sebagai tutor virtual yang memberikan penerangan tentang teori, konsep, dan peristiwa sejarah. Ia juga membantu guru merancang aktiviti pembelajaran, menghasilkan soalan, dan menterjemah teks sejarah. Integrasi ChatGPT dengan platform seperti Canva dan PowerPoint memudahkan penghasilan bahan bantu mengajar (BBM) yang kreatif dan interaktif.

Emy Wuryani dan Listyanto Aji Nugroho (2024) memperkenalkan konsep Artificial Intelligence Collaborated Education (A.I.C.E) yang menggabungkan AI dengan pendidikan untuk mencipta pembelajaran yang dipersonalisasi dan adaptif. A.I.C.E menganalisis data pelajar untuk menyesuaikan kurikulum dan memberikan maklum balas segera. Pelatihan A.I.C.E terbukti meningkatkan kemampuan guru dalam merancang pembelajaran sejarah yang lebih efektif dan responsif.

Artikel oleh Paul Suparno (2019), walaupun fokus pada pendidikan fizik, memberikan pandangan berguna untuk subjek sejarah. AI digunakan sebagai alat bantu pentadbiran, tutor pelajar, dan media pembelajaran interaktif. Robot dan drone, misalnya, boleh digunakan untuk mensimulasikan peristiwa sejarah atau menjelajah bangunan atau tapak bersejarah secara maya. Guru juga perlu menggalakkan pemikiran kritis pelajar agar tidak terlalu bergantung pada AI.

Tinjauan sorotan karya tentang penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam pembelajaran subjek sejarah menunjukkan perkembangan yang signifikan selaras dengan tuntutan pendidikan abad ke-21. Berdasarkan artikel-artikel yang dianalisis, penerapan teknologi digital dalam pendidikan Sejarah dilihat memberi impak positif dari segi pengajaran guru dan minat pelajar. AI berpotensi besar untuk merevolusikan pembelajaran sejarah (Lee Bih Ni, 2023). Dari menyediakan bahan pengajaran automatik hingga mencipta pengalaman pembelajaran imersif, AI menjadikan sejarah lebih menarik dan mudah difahami. AI memperkukuh kaedah pengajaran sejarah dengan menyokong peranan guru, meningkatkan minat pelajar serta membentuk pengalaman pembelajaran yang lebih relevan dan bermakna. Namun, peranan guru tetap penting untuk memastikan penggunaan AI seimbang dengan pemikiran kritis dan kreatif pelajar. Dengan integrasi yang bijak, AI boleh menjadi alat yang sangat berharga dalam pendidikan sejarah (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2024).

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis kandungan. Data dikumpulkan dari empat platform media sosial utama iaitu Google, Facebook, TikTok dan YouTube. Media sosial menjadi medium utama di mana AI diaplikasikan untuk mempopularkan sejarah guna kepada khalayak yang lebih luas (Coach Herry, 2023). Algoritma AI di platform seperti Google, Facebook, You Tube dan TikTok (Izzati Balqis, 2024 dan Nik Syuhailah, Zuraimi Abdul Aziz, 2024) menapis dan mengesyorkan kandungan sejarah yang sesuai berdasarkan interaksi pengguna, sekaligus menjadikan pembelajaran sejarah lebih mudah diakses dan menarik. Ini membuka peluang baru dalam pendidikan sejarah dengan menggabungkan elemen hiburan dan pembelajaran secara serentak.

Kajian ini berasaskan kerangka teori sejarah guna yang menghubungkan antara disiplin sejarah dan intervensi praktikal dalam masyarakat, serta pendekatan teknologi digital yang menumpukan kepada integrasi AI dalam proses penyelidikan dan penyampaian maklumat

sejarah. Teknik pengumpulan data menggunakan carian kata kunci seperti “pembelajaran sejarah menggunakan AI”, ‘penggunaan teknologi dalam pembelajaran sejarah” dan “cerita sejarah pakai teknologi AI”, digunakan untuk menelusuri kandungan berkaitan. Data dianalisis berdasarkan dapatan yang menggunakan aplikasi AI, AR dan WebAR dalam pembelajaran subjek sejarah, manfaat AI dan cabaran AI yang dikenal pasti.

Kecerdasan Buatan (AI) adalah teknologi yang membolehkan mesin meniru kecerdasan manusia (seperti pembelajaran, analisis, dan pembuatan keputusan). Contoh dalam Sejarah, ChatGPT menjawab soalan tentang Perjanjian Pangkor 1874, AI menterjemah manuskrip Jawi kuno atau penjana imej tokoh sejarah seperti Hang Tuah oleh MidJourney. Augmented Reality (AR) merujuk kepada teknologi yang menindih elemen digital (3D, video) ke dunia nyata melalui peranti. Contoh dalam Sejarah Malaysia, aplikasi AR di Muzium Negara untuk melihat artifak 3D atau filter Instagram AR "Pakai Baju Tradisional Melayu". WebAR pula adalah AR yang diakses melalui pelayar web tanpa perlu memuat turun aplikasi. Kelebihan WebAR ianya mudah dikongsi (hanya perlu pautan), serasi dengan kebanyakan telefon pintar dan kos rendah berbanding app native.

HASIL KAJIAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa teknologi AI semakin mendapat tempat dalam aplikasi sejarah. Berikut adalah maklumat dari platform media sosial seperti Google, Facebook, TikTok, dan YouTube mengenai pembelajaran sejarah menggunakan teknologi AI beserta tajuk, pautan, dan sinopsis berdasarkan jadual di bawah.

Jadual 1 Platform Media Sosial Seperti Google, Facebook, Tiktok, Dan Youtube Mengenai Pembelajaran Sejarah Menggunakan Teknologi AI

Bil.	Tajuk	Platform	Pautan	Sinopsis
1	Revolusi Pembelajaran Sejarah: Aplikasi Kaedah 3M di Era AI	Artikel	https://news.umpsa.edu.my/experts/revolusi-pembelajaran-sejarah-aplikasi-kaedah-3m-di-era-ai	Membincangkan bagaimana AI digunakan dalam pembelajaran sejarah untuk mendapatkan fakta, menggalakkan analisis kritis, dan mentafsir peristiwa sejarah secara mendalam, termasuk penggunaan ChatGPT sebagai alat bantu pembelajaran ⁶ .
2	Kecerdasan Buatan (AI): Sejarah, Aplikasi, dan Masa Depan	Artikel	https://resellermymy.com/panduan-ai-aplikasi-sejarah/	Menjelaskan peranan AI dalam media sosial seperti Facebook, TikTok, dan YouTube yang menggunakan algoritma pintar untuk menyesuaikan kandungan pembelajaran sejarah secara peribadi dan interaktif ⁸ .
3	Transformasi Pembelajaran Sejarah di Era Digital	YouTube	https://www.youtube.com/watch?v=GfqMjrYZvog	Menjelaskan bagaimana AI, VR, dan AR mengubah pembelajaran sejarah menjadi lebih interaktif dan menarik, membolehkan pelajar merasai pengalaman sejarah secara langsung dan personal ² .

4	Empayar Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka (AI Generated)	YouTube	https://www.youtube.com/watch?v=g2-hSktCTmo	Video yang menggunakan AI untuk menghasilkan kandungan sejarah mengenai Kesultanan Melayu Melaka, menunjukkan potensi AI dalam menghasilkan bahan sejarah secara kreatif3.
5	Ini Dia Cara Membuat Video Sejarah Pakai AI - Ide Konten Short	YouTube	Ini Dia Cara Membuat Video Sejarah Pakai AI - Ide Konten Short	Langkah demi langkah untuk membuat kandungan video sejarah menggunakan gambar dan suara buatan AI. Disini ditunjukkan langkah bermula dengan membuat skrip, gambar, buat suara, dan edit video.
6	Kecerdasan Buatan (AI): Revolusi Pendidikan, Peluang dan Potensi	YouTube	https://www.youtube.com/watch?v=XWXpbNpwNlc	Perkongsian tentang revolusi pendidikan melalui AI, termasuk aplikasi AI dalam pengurusan, pentadbiran, dan personalisasi pembelajaran sejarah4.
7	Bengkel Artificial Intelligence Dalam PdP Guru	YouTube	https://www.youtube.com/watch?v=G3BLxf83qA	Tutorial dan bengkel untuk guru menggunakan AI dalam PdP, termasuk penggunaan Google Lens untuk mencari maklumat sejarah dengan cepat dan efektif5.
8	Kecerdasan Buatan (AI) dalam Bilik Darjah oleh Cikgu Nur Rawaidah	YouTube	https://www.youtube.com/watch?v=N3Ilfa18A6U	Perbincangan tentang bagaimana AI membantu guru dalam menyampaikan pengajaran sejarah dengan lebih berkesan, termasuk penggunaan AI untuk penilaian pembelajaran dan penciptaan bahan bantu mengajar1.
9	Cara Membuat Video Short Sejarah dengan AI	YouTube	Cara Membuat Video Short Sejarah dengan AI Cepat & Mudah!	Cara Membuat Video Short Sejarah dengan AI menggunakan Chatgpt dan Autoclips
10	5 Menit Jadi! Cara Bikin Konten Sejarah Tanpa Edit Pake Ai		5 Menit Jadi! Cara Bikin Konten Sejarah Tanpa Edit Pake Ai - Ide Konten 2024	Cara buat kandungan sejarah,cara buat kandungan youtube menggunakan AI,cara membuat kandungan fakta sejarah, kandungan sejarah AI dan kandungan sejarah Islam.
11	Miniature Sinematik AI Sejarah Malaysia untuk PdPc	Tik Tok	https://www.tiktok.com/@cikgushare/video/7496766896243526920	Video yang menampilkan sejarah Malaysia dari Paleolitik hingga Zaman Logam menggunakan AI untuk mencipta sinematik mini yang menarik bagi PdPc (Pengajaran dan Pembelajaran) sejarah.

12	Cikgu Sejarah: Ubah Cara PdP Menggunakan AI	Tik Tok	https://www.tiktok.com/@cikgushare/video/7498753238779432199	Memperlihatkan bagaimana AI digunakan untuk menjadikan pembelajaran sejarah lebih menarik dan interaktif, termasuk tema sejarah Malaysia seperti Kerajaan Kedah Tua.
13	Bantuan Teknologi dalam Pembelajaran Sejarah	Tik Tok	https://www.tiktok.com/@shahirahlaoshi/video/7500472684732632327	Menyediakan idea bahan ajar efektif dengan bantuan teknologi AI untuk pembelajaran sejarah, khususnya untuk pelajar tingkatan 1.
14	Sejarah yang Menarik dengan AI: Ramuan Kreatif untuk PdP	Tik Tok	https://www.tiktok.com/@shahirahlaoshi/video/7500472684732632327	Menyediakan idea bahan ajar efektif dengan bantuan teknologi AI untuk pembelajaran sejarah, khususnya untuk pelajar tingkatan 1.
15	Jadi Pengembara Masa dengan AI dan eBook Percuma	Tik tok	https://www.tiktok.com/@cikgushare/video/7496519035501219090	Tutorial belajar membuat video sejarah sinematik menggunakan AI, disertai dengan eBook percuma sebagai bahan sokongan pembelajaran.
16	Cabaran AI Untuk Pendidik Mari Cipta Sejarah Dalam Ntw 2025	Tik Tok	https://www.tiktok.com/discover/cabaran-ai-untuk-pendidik-mari-cipta-sejarah-dalam-ntw-2025	Cabaran dan inisiatif di TikTok yang mengajak pendidik menggunakan AI untuk mencipta sejarah baru dalam konteks pengajaran dan pembelajaran.
17	Ilustrasi Sejarah Melayu melalui AI dan Video 3D	Tik Tok	https://www.tiktok.com/@enmusang/video/7495710934606941447	Penggunaan AI dan video 3D untuk mengilustrasikan cerita dan warisan budaya Melayu sebagai bahan pembelajaran sejarah yang lebih visual dan interaktif.

Maklumat ini menunjukkan pelbagai cara teknologi AI digunakan dalam pembelajaran sejarah, dari penciptaan bahan ajar, personalisasi pembelajaran, hingga penggunaan media sosial untuk pengalaman pembelajaran yang lebih relevan dan menarik. Maklumat ini turut menunjukkan pelbagai pendekatan kreatif menggunakan AI di media sosial digunakan untuk memperkaya pengalaman pembelajaran sejarah, dari video sinematik, ilustrasi 3D, hingga cabaran kreatif untuk pendidik. AI membantu dalam menganalisis data sejarah berskala besar secara automatik. Contohnya, analisis teks surat khabar lama atau rekod kolonial membolehkan pola sosial, ekonomi dan politik dikenal pasti dengan lebih cepat dan efisien (Bizz-Tech, 2025).

Teknologi dalam Pemprosesan Bahasa Semula Jadi (NLP) digunakan untuk menterjemah teks sejarah daripada bahasa klasik atau asing, mengekstrak maklumat penting daripada dokumen arkib, dan memudahkan penyusunan naratif sejarah secara automatik (Teachflow, 2023).

Realiti Maya dan Realiti Terimbuh (VR/AR) digunakan untuk membina semula tapak bersejarah yang musnah atau tidak dapat diakses secara fizikal. Pengguna boleh 'melawat' tapak-tapak sejarah dalam bentuk maya melalui telefon pintar atau alat VR. Ini bukan sahaja memudahkan

akses kepada sejarah, tetapi juga meningkatkan nilai pendidikan dan pelancongan warisan (Gshockactive, 2024).

Analitik Data Besar (Big Data Analytics) digunakan untuk menggabungkan pelbagai sumber sejarah termasuk rekod arkib, gambar, dan audio bagi menghasilkan pemahaman sejarah yang lebih holistik (Nor Asiah binti Mohamad @ Razak, 2024).

Cabaran dan Isu Kritikal

Berikut adalah cabaran utama menggunakan Google, Facebook, YouTube, dan TikTok sebagai platform pendidikan sejarah berdasarkan maklumat di bawah.

Jadual 2 Cabaran Media Sosial Seperti Google, Facebook, Tiktok, Dan Youtube Tentang Pembelajaran Sejarah Menggunakan Teknologi AI

Platform	Cabaran Utama
Google	Kesediaan dan kemahiran pengguna (guru dan pelajar) menggunakan aplikasi seperti Google Classroom dan Google Meet masih berbeza-beza. Kekurangan latihan dan perancangan yang mencukupi untuk penggunaan teknologi dalam PdP sejarah. Kekurangan latihan dan perancangan yang mencukupi untuk penggunaan teknologi dalam PdP sejarah. Masalah pengurusan masa dan infrastruktur yang tidak memadai untuk pembelajaran dalam talian.
Facebook	Kandungan yang tidak sentiasa relevan atau berkualiti untuk pembelajaran sejarah. Risiko gangguan oleh kandungan yang tidak sesuai atau kurang fokus kerana sifat platform yang lebih sosial dan perniagaan. Kurangnya kawalan terhadap maklumat palsu atau kurang tepat yang boleh menjejaskan pemahaman Sejarah.
YouTube	Kandungan yang sangat pelbagai kualitinya, sukar untuk memastikan sumber yang sahih dan tepat sejarah. Tempoh video yang panjang kadang-kadang menyebabkan kurang tumpuan pelajar. Kurangnya interaksi langsung antara guru dan pelajar dalam pembelajaran. (berdasarkan konteks umum platform video).
Tik Tok	Tempoh video yang sangat terhad (sekitar 15-60 saat) menyukarkan penyampaian kandungan sejarah yang mendalam. Kesukaran mencari kandungan sejarah yang berkualiti dan sesuai. Kurangnya interaksi dan maklum balas bermakna daripada penonton. Risiko gangguan fokus dan ketagihan terhadap kandungan hiburan lain.

Manakala isu kritikal yang perlu diberi penekanan juga berkaitan keaslian sumber, etika data, dan keperluan terhadap tafsiran manusia dalam penggunaan AI untuk pembelajaran subjek sejarah adalah seperti berikut:

Keaslian Sumber

AI seperti ChatGPT boleh menyediakan fakta sejarah dengan cepat, tetapi maklumat yang diberi mungkin tidak selalu tepat atau lengkap. Oleh itu, pelajar perlu diajar untuk membandingkan dan menganalisis fakta yang diperoleh dari AI dengan sumber sejarah yang sahih seperti buku teks atau penulisan akademik. Terdapat risiko maklumat yang disampaikan oleh AI mengandungi kesilapan fakta atau bias yang tidak disedari, termasuk kemungkinan konspirasi atau kepentingan tersembunyi dalam penulisan sejarah yang perlu dianalisis secara kritis oleh pelajar.

Oleh itu, keaslian dan kesahihan sumber mesti disahkan secara manual oleh pendidik dan pelajar sebelum digunakan dalam pembelajaran (Hasnah Hussin, 2024).

Etika Data

Penggunaan AI dalam pendidikan menimbulkan isu etika berkaitan privasi data pelajar, terutama dalam pengumpulan, penyimpanan, dan perkongsian data pendidikan. Perlindungan data peribadi pelajar mesti dijamin dan platform AI harus mematuhi garis panduan etika yang ketat. Terdapat kebimbangan terhadap penyalahgunaan data dan ketergantungan berlebihan pada AI yang boleh mengurangkan kebebasan pelajar untuk membuat pilihan sendiri dalam pembelajaran dan penyelidikan. Pendidik perlu membimbing pelajar menggunakan AI secara bertanggungjawab dan memastikan penggunaan teknologi tidak mengorbankan standard etika dalam pendidikan (Xiu Guan, Xiang Feng dan A.Y.M. Atiquil Islam, 2023) dan Kementerian Pendidikan Tinggi. (2024).

Keperluan Terhadap Tafsiran Manusia

AI hanya mampu memberikan fakta dan data, tetapi tafsiran terhadap peristiwa sejarah memerlukan pemikiran kritis dan konteks yang mendalam yang hanya boleh dilakukan oleh manusia. Pelajar perlu dilatih untuk mentafsir sejarah berdasarkan fakta yang diperoleh, mengaitkan peristiwa dengan pengajaran, pengalaman, dan ilmu baru. Ini termasuk mengkaji sebab-musabab, konteks sosial, politik, dan budaya yang tidak boleh digantikan sepenuhnya oleh AI. Guru berperanan penting dalam membimbing pelajar agar tidak hanya bergantung pada AI sebagai sumber utama, tetapi sebagai alat bantu untuk mengembangkan analisis dan pemahaman kritis terhadap sejarah (Hasnah Husin, 2024, <https://www.cfex.unimas>, 2024, OBHD, 2023).

Ringkasnya, walaupun AI membawa potensi besar dalam pembelajaran sejarah, cabaran utama adalah melibatkan keaslian sumber, menjaga etika penggunaan data, dan mengekalkan peranan tafsiran manusia yang kritis dan berwawasan dalam memahami sejarah. Lebih dari sekadar alat bantu, AI menjadi sarana untuk menciptakan pembelajaran yang bermakna dan menyenangkan, menjadikan sejarah sebagai mata pelajaran yang benar-benar disukai pelajar (Norazlina, Hartati dan Roshila, 2020). Dengan memanfaatkan teknologi ini, kita tidak hanya menciptakan pembelajaran yang lebih menarik, tetapi juga menyiapkan pelajar untuk menghadapi tentangan dunia moden yang semakin kompleks. Sejarah bukan hanya tentang masa lalu, tetapi juga tentang membangun masa depan yang lebih baik (Masnida, 2024 dan Hakimah, 2025).

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kajian ini menyimpulkan bahawa AI berpotensi besar dalam memperkayakan bidang sejarah dengan mempercepatkan penyelidikan, memperluas capaian pendidikan awam dan membina pengalaman warisan yang lebih menarik. Namun, ia memerlukan penglibatan aktif sejarawan untuk memastikan konteks, tafsiran dan etika tetap terpelihara. Setiap platform media sosial berlumba-lumba mempamerkan penemuan berkaitan AI dengan pendidikan.

AI dan pendidikan juga mempunyai cabaran (Zhang Yangzi, Mohd Shahril Nizam bin Shaharom, dan Kenny Cheah Soon Lee, 2023) tersendiri dari segi kesesuaian kandungan, tempoh penyampaian, kemahiran pengguna, dan interaksi yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran sejarah menggunakan teknologi digital dan media sosial. Media sosial berupaya menjadi medan permulaan kepada para pendidik mahupun pengkaji untuk mencari maklumat berkaitan AI dalam pendidikan serta berupaya belajar dari kandungan-kandungan perkongsian yang disediakan. Tidak dilupakan juga isu kritikal yang perlu diberi penekanan berkaitan keaslian sumber, etika data, dan keperluan terhadap tafsiran manusia dalam penggunaan AI untuk pembelajaran semua subjek amnya dan subjek sejarah khususnya.

Akhir kata, “Teknologi adalah hamba yang berguna tetapi ‘tuan’ yang berbahaya.”

RUJUKAN

- Academic Senate. (November 2024). AI-Powered Education: Authentic Assessments and Learning. <https://www.asccc.org/content/ai-powered-education-authentic-assessments-and-learning>.
- Adam Stone. (4 Jun 2025). AI Ethics in Higher Education: How Schools Are Proceeding. <https://edtechmagazine.com/higher/article/2025/06/ai-ethics-higher-education-how-schools-are-proceeding-perfcon>.
- Adawiah Hosni, Mohd Farhan Md Ariffin & Hamdi Ishak (30 Jun 2023). ISU DAN CABARAN CHATGPT TERHADAP PENGAJIAN ISLAM. <http://journalarticle.ukm.my/22089/1/al%20turath%2012.pdf>.
- Ali Gajet. (7 Febuari 2025). Cara Padam Sejarah Sembang Atau Chat History Di Aplikasi DeepSeek l AI Assistant. <https://www.youtube.com/watch?v=UeY0eyLTFiA>.
- Azwani Awang. (Disember 2023).Potensi Model dan Algoritma Kecerdasan Buatan dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).https://www.ciastr.gov.my/journal/files/Vol9_1/17-25%20AI.pdf.
- Bizz-Tech. (26 Febuari 2025). The Role of AI in Transforming Historical Data Analysis. <https://www.linkedin.com/pulse/role-ai-transforming-historical-data-analysis-bizz-o-tech-piq8f>.
- Bravo Press. (26 April 2025). Transformasi Pembelajaran Sejarah di Era Digital. <https://www.youtube.com/watch?v=GfqMjrYZvog>.
- Coach Herry. (10 April 2023). Menggunakan media sosial untuk menarik minat pelajar dalam subjek. <https://aredutech.com/menggunakan-media-sosial-untuk-menarik-minat-pelajar-dalam-subjek/>.
- Gshockactive. (26 Jun 2024). Empayar Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka (AI Generated). <https://www.youtube.com/watch?v=g2-hSktCTmo>.
- Hakimah Ibnuzaman. (23 April 2025). Wacana Intelektual MADANI fokus cabaran, peluang dan etika AI serta teknologi digital. <https://news.utm.my/ms/2025/04/wacana-intelektual-madani-fokus-cabaran-peluang-dan-etika-ai-serta-teknologi-digital/>.
- Hasnah Hussien. (4 November 2024). Revolusi Pembelajaran Sejarah: Aplikasi Kaedah 3M di Era AI. <https://news.umpsa.edu.my/experts/revolusi-pembelajaran-sejarah-aplikasi-kaedah-3m-di-era-ai>.
- Izzati Balqis binti Mat Yusof. (20 April 2024). Transformasi TikTok Terhadap Pembelajaran: Era Pembelajaran Baharu. <https://theinspirasi.my/transformasi-tiktok-terhadap-pembelajaran-era-pembelajaran-baharu/>.
- Kementerian Pendidikan Tinggi. (2024). Garis Panduan Penggunaan Teknologi Kecerdasan Buatan Generatif (KBG) dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Pendidikan Tinggi. https://www.cfex.unimas.my/images/downloads/BKA_KPT_Publications/GARIS_PANDUAN_PENGGUNAAN_TEKNOLOGI_KECERDASAN_BUATAN_GENERATIF_KBG_DALAM_PENGAJARAN_DAN_PEMBELAJARAN_PdP_PENDIDIKAN_TINGGI_compressed.pdf.
- Lee Bih Ni. (12 Mei 2023). Chrono AI: Merevolusikan Penyelidikan Sejarah melalui Kepintaran Buatan.<https://id.scribd.com/document/644768787/Chrono-AI-Merevolusikan-Penyelidikan-Sejarah-Melalui-Kepintaran-Buatan>.
- Lee Bih Ni, Connie Shin, Arzizul Antin, Nur Farha Shaafi dan Edmund Fung. (April 2025). Google Classroom Sebagai Salah Satu Platform Dalam Penyampaian Pengajaran Dan Pembelajaran: Satu Kajian Tinjauan. <https://id.scribd.com/document/848979440/Mengaplikasi-Kecerdasan-Buatan-AI-dalam-Pembelajaran-Sejarah-Satu-Kajian-dalam-Kota-Marudu-Kota-Belud-dan-Kota-Kinabalu>.

- M. Kaviza. (7 Julai 2021). Pembelajaran Sejarah Berasaskan Penggunaan Platform Google Classroom dan Aplikasi Kemahiran. <https://mail.msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/download/920/627>.
- M. Kaviza. (April 2022). Kesian Murid Terhadap Penggunaan Aplikasi Google Classroom Sebagai Platform Pembelajaran Sejarah. <https://mail.msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/view/397>.
- Madam Ain Qis. (26 Jun 2024). Kecerdasan Buatan (AI): Revolusi Pendidikan, Peluang dan Potensi. <https://www.youtube.com/watch?v=XWXpbNpwNlc>.
- Masnida Haji Hussin. (20 Disember 2024). Cabaran Kecerdasan Buatan (AI) dalam Pendidikan Tinggi. https://cadelead.upm.edu.my/artikel/cabaran_kecerdasan_buatan_ai_dalam_pendidikan_n_tinggi-82834.
- MCCA. (15 November 2024). Cabaran media sosial pada perkembangan kanak-kanak. <https://cyberconsumer.my/cabaran-media-sosial-pada-perkembangan-kanak-kanak/>.
- Melvina Chung Hui Ching. (Januari 2022). Google Classroom sebagai Salah Satu Platform Dalam Penyampaian Pengajaran Dan Pembelajaran: Satu Kajian Tinjauan. <https://jml.um.edu.my/index.php/JUKU/article/view/35298/14333>.
- Moira Donovan. (11 April 2023). How AI is helping historians better understand our past. <https://www.technologyreview.com/2023/04/11/1071104/ai-helping-historians-analyze-past/>.
- Muhammad Adil Fikri Mohd Hamizi & Intan Suria Hamzah. (15 Disember 2023). Penggunaan Media Sosial Sebagai Media Baharu dan Impaknya Terhadap Masyarakat Malaysia. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/download/8877/4743>.
- Nik Syuhailah Nik Hussin dan Zuraimi Abdul Aziz. (10 Ogos 2024). TikTok dalam penyampaian ilmu ke arah pendidikan. <https://sinarbestari.sinarharian.com.my/my-ipt/tiktok-dalam-penyampaian-ilmu-ke-arrah-pendidikan>.
- Nurul Shakirah Binti Mohd Zawawi dan Hairulliza Mohamad Judi (1 Dis 2020). Model Of Meaningful Learning Using Social Media In Higher Education Institution. <http://journalarticle.ukm.my/16837/1/06.Pdf>.
- Norazlina Abdullah, Hartati Maskur dan Roshila Abdul Mutalib. (2020). Penggunaan Aplikasi Kepintaran Buatan (AI) dalam PDP-Satu Kajian Kepustakaan. <https://penerbit.unimap.edu.my/images/pdf/IMC%202020/265-272.pdf>.
- Noor Izmayati Abd Aziz dan Muhaini Othman. (3 Disember 2024). TikTok: Platform pembelajaran atau sekadar hiburan pelajar? <https://berita.rtm.gov.my/laporan-khas/kolum/senarai-berita-kolumnis/senarai-artikel/impak-tiktok-terhadap-tingkah-laku-pelajar-dalam-pendidikan>.
- Nor Asiah binti Mohamad @ Razak. (17 Mei 2024). Kecerdasan Buatan dalam Pendidikan: Perspektif Pedagogi. <https://epena.com.my/index.php/2024/05/17/kecerdasan-buatan-dalam-pendidikan-perspektif-pedagogi/>.
- Nur Anis Hanani Mohd Baktiar. (5 Januari 2024). Screentime Pendidikan: Mengeksplorasi Manfaat dan Cabaran di Era Digital. <https://sabahmedia.com/2024/01/05/screentime-pendidikan-mengeksplorasi-manfaat-dan-cabaran-di-era-digital/>.
- Nurkhamimi Zainuddin (penterjemah). (2024). Panduan AL generatif dalam pendidikan dan penyelidikan. <https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000390836>.
- One Big History Department. (6 Disember 2023). Using Artificial Intelligence to support history teaching. <https://onebighistorydepartment.com/2023/12/06/using-artificial-intelligence-to-support-history-teaching/>.
- Pandai. (26 Januari 2024). Kecerdasan Buatan (AI) dalam Bilik Darjah oleh Cikgu Nur Rawaidah. <https://www.youtube.com/watch?v=N3Ilfa18A6U>.
- Pengarang (1 Jun 2025). Panduan lengkap AI: Sejarah, aplikasi dan masa depan kecerdasan buatan (Artificial Intelligence). <https://resellermym.com/panduan-ai-aplikasi-sejarah/>.
- PPD Kuala Muda KPM. (12 Disember 2023). Bengkel Artificial Intelligence Dalam PdP Guru. https://www.youtube.com/watch?v=G3BLxf_83qA.

- Rahanah Abdul Rahman, Mohammad Puad Bebit, Norhayati Ayob. (26 Julai 2023). Penggunaan Aplikasi Tiktok Inovasi Dalam Pelaksanaan Apresiasi Seni Pendidikan Seni Visual <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPB/article/download/8263/4497/38124>.
- Rahmah Mokhtar. (23 September 2024). Cabaran AI dalam Pendidikan: Kaedah Mengesan Penggunaan Alatan AI dalam Tugas Pelajar. <https://news.umpsa.edu.my/experts/cabaran-ai-dalam-pendidikan-kaedah-mengesan-penggunaan-alatan-ai-dalam-tugas-pelajar>.
- Rohani Abdul Ghani. (13 Jun 2025). Sejarah Gunaan: Pendekatan Baru Disiplin Sejarah di Malaysia. <https://www.researchgate.net/publication/361741710>.
- Selin Akgun dan Christine Greenhow. (22 September 2021). Artificial intelligence in education: Addressing ethical challenges in K-12 settings. <https://pmc.ncbi.nlm.nih.gov/articles/PMC8455229/>.
- Siti Hajar Halili Rageni Sugumaran. (Januari 2019). Faktor Mempengaruhi Penggunaan Video Youtube Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Dalam Kesusasteraan Tamil <https://mjs.um.edu.my/index.php/JUKU/article/download/17862/10030/36174>.
- Teachflow. (13 Mac 2023). Revolutionizing Education: How AI Empowers Cultural and History Learning. <https://teachflow.ai/revolutionizing-education-how-ai-empowers-cultural-and-history-learning/>.
- Teachflow. (21 April 2023). The Potential of AI in School History and Time Exploration. <https://teachflow.ai/the-potential-of-ai-in-school-history-and-time-exploration/>.
- Xiu Guan, Xiang Feng dan A.Y.M. Atiquil Islam. (1 April 2023). The dilemma and countermeasures of educational data ethics in the age of intelligence. <https://www.nature.com/articles/s41599-023-01633-x>.
- Zhang Yangzi, Mohd Shahril Nizam bin Shaharom, dan Kenny Cheah Soon Lee. (Oktober 2023). Cabaran Dan Strategi Pempengaruh Kecergasan Media Sosial Semasa Pandemik Covid-19 Di Wilayah Henan, China. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUPIDI/article/download/48471/16337/127860>.